

Headline	Kondom wanita ada kelebihan		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	297,950
Page No	L-D12	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	90 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,578
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,735



## Kondom wanita ada kelebihan

**London:** Sekumpulan penyelidik mencipta kondom wanita yang bukan hanya mampu mencegah kehamilan, menghindarkan penyakit kelamin (STD), dan mampu larut secara beransur-ansur.

Penyelidik di Universiti Washington (UW) mencipta kondom berkenaan daripada mikrofiber halus melalui satu kaedah dipanggil 'electrospinning'. Ia kemudian direka untuk lenyap selepas digunakan sama ada dalam masa beberapa minit atau beberapa hari.

Kondom terbabit bukan hanya mampu menghalang sperma tetapi juga mampu membebaskan ubat campuran anti-HIV dengan hormon pencegahan kehamilan, lapor *Daily Mail*.

Pembantu profesor bio-kejuruteraan di Washington, Kim Woodrow berkata: "Impian kami untuk mencipta satu produk wanita yang boleh digunakan untuk mencegah mereka daripada jangkitan HIV dan kehamilan. Kami juga memiliki ubat untuk itu. Ia benar-benar berkesan dan membolehkan seseorang wanita menggunakannya."

Woodrow mempersembahkan idea terbabit bersama Emily Krogstad dan Cameron Ball, kedua-dua adalah pelajar tahun akhir yang terbabit dalam projek berkenaan.

Ball menambah: "Kaedah ini membebaskan pembebasan terkawal beberapa kandungan. Kami mampu untuk menukar gentian berkenaan bagi pelbagai kegunaan."  
**Agensi**